



BIRU MATA HITAMKU

I

BENAR, penantian suatu penyeksaan. Lama sudah aku dengar kata-kata itu, baharu kini aku benar-benar merasakan seksanya. Panggilan dari hospital aku terima memaklumkan kornea untukku telah tersedia.

Aku bakal memiliki kornea baharu sekaligus memberi harapan baharu juga bagiku. Harapan agar dapat melihat semula dengan mata kiriku. Sekian lama kunantikan saat ini. Sudah jemu rasanya aku hanya 'bermata satu' sahaja selama ini.

Detik gelap yang terjadi ketika aku di puncak menikmati usia muda. Usia di mana semua mahu dicuba dan mengikut perubahan semasa. Konon mahu ikut sangat *trending* kontemporari. Dunia ceriaku disentak kerana kesilapan sendiri.

Trending bermata besar bersinar-sinar – kegilaan remaja masa kini yang pantas pula menyentuh naluriku untuk turut sama menyertai. Siapa tidak mahu bermata cantik? Siapa tidak mahu memiliki sepasang mata yang coklat, bersinar dan kelihatan galak.

Aku pasti itu antara keinginan wanita. Warna bebola mata yang boleh diselaraskan dengan warna pakaian, fesyen dan mood harian. Bukan aku seorang sahaja yang mengenakan *contact lens* berwarna-warni, bahkan kebanyakan rakanku.

Secara normalnya, memang tidak salah kerana ianya dapat juga membantu keselesaan berbanding menggunakan kaca mata. Namun agaknya nasibku sedikit malang kerana menerima bahananya. Mataku menjadi sakit yang tidak tertahan-tahan sejak setahun lalu.

Memang sesal kemudian tidak berguna. Bagaimana aku menyesali perbuatan dan menyalahkan diri sendiri, ianya telah berlaku. Sakit yang aku rasa bagai dihiris-hiris sembilu tajam hingga mengganggu lenaku saban malam.

Puas aku mencari penawar di klinik-klinik, namun masih belum berkurang sakit itu. Sudah habis berbekas-bekas ubatan kubeli masih juga belum berkesan. Salah ubat ke doktor bagi? Kenapa tak ada kesan pun? Aku letakkan pula kesilapan itu ke bahu doktor yang merawatku. Aku buang semua lensa palsu yang menyebabkan mataku jadi begini sakit.

“Tutup lampu, Mak,” ujarku kepada emak yang masuk menjengahku dalam gelap. Spontan pula emak menutup balik lampu bilikku. “Kau ni dah beberapa hari ni Mak tengok tak keluar bilik. Mata tu makin merah pula,” bebel emak. Aku membatu. Tak tahu nak jawab macam mana. Yang pasti aku tidak boleh melihat cahaya. Sakit benar kalau dalam keadaan terang.

“Ubat Doktor Hidayah guna tak?” Tanya emak merujuk kepada ubat yang aku letak di atas meja. Aku angguk-angguk. Emak mengusulkan untuk membawa aku kembali berjumpa Doktor Hidayah, namun aku menolaknya. Aku rasa ada yang tidak kena dengan mataku, tak boleh jumpa doktor swasta sahaja.

“Dah kalau macam tu, pergi solat Subuh dulu. Lepas tu siap-siap kita ke hospital.” Aku akur. Segera aku menunaikan solat dan bersiap ala kadar.